

61 inisiatif perangi rasuah

FOTO: BERNAMEA

**Pelan Anti
Rasuah Nasional
2019-2023
dilancar bulan
depan**

Sinar Harian -
(22/12/18 - M/S - 10)
SITI AZIELAH WAHI

PUTRAJAYA

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) menggariskan 61 inisiatif sebagai usaha serius kerajaan memerangi rasuah bagi tempoh enam bulan penubuhannya.

Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Negara (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, dalam tempoh Jun hingga Disember 2018, lima mesyuarat telah diadakan yang dipengerusikan Perdana

Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Selepas kerajaan baharu ambil alih kerajaan, satu agenda utama diberi perhatian berat dan serius adalah perangi rasuah.

"Beberapa perkara dasar dibuat sejak ditubuhkan melibatkan janji dibuat kerajaan dalam manifesto untuk meningkatkan integriti, selain janji untuk menjalankan siasatan dan tindakan ke atas IMDB, Felda, Mara dan Tabung Haji," katanya pada sidang media Laporan Pencapaian Akhir Tahun Usaha-usaha Memerangi Rasuah di Malaysia di pejabat jawatankuasa itu di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mohd Shukri Abdull dan Timbalan Ketua Pengarah JKKMAR, Datuk Dr Anis Yasul Yusoff.



Abu Kassim (kanan) pada taklimat media mengenai Laporan Pencapaian Akhir Tahun Usaha-usaha Memerangi Rasuah di Malaysia Jun-Disember 2018, semalam

Abu Kassim berkata, usaha dilakukan kerajaan untuk menangani rasuah turut mendapat respons positif pelbagai pihak termasuk dari agensi antarabangsa yang datang menawarkan bantuan.

"Hasil perubahan dasar telah mula mendapat kesan

positif termasuk di peringkat antarabangsa, di mana beberapa agensi antarabangsa datang dan menawarkan perkhidmatan membantu kita merangka dasar-dasar menangani rasuah terutama dalam pembentukan Pelan Anti-rasuah Nasional 2019-

2023 (NACP),"katanya.

Menurutnya, antara agensi yang melawat itu termasuklah UNTP, Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Kita percaya lebih banyak lagi perbincangan akan dibuat dengan agensi antara-

info

GIACC ditubuhkan bagi merancang, menggubal strategi dan menilai dasar bagi memastikan urusan kerajaan baik, berintegriti dan tiada toleransi kepada rasuah.

bangsa," katanya.

Sementara itu katanya, NACP bakal dilancarkan Dr Mahathir pada 31 Januari depan.

Menurutnya, antara intipati NACP merangkumi beberapa perkara dasar termasuk tiga elemen penting antaranya input daripada manifesto kerajaan, laporan jawatankuasa antarabangsa cadangan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC)